

## SEKTOR TIDAK FORMAL DAN AKTIVITI EKONOMI ALTERNATIF DI KOTA KINABALU, SABAH: SIFAT DAN KEBERTAHANANNYA

### *INFORMAL SECTOR AND ALTERNATIVE ECONOMIC ACTIVITIES IN KOTA KINABALU, SABAH: CRITERIA AND ITS RESILIENCE*

Jalihah Md Shah<sup>1\*</sup>  
Dzurizah Ibrahim<sup>2</sup>  
Jurry Foo<sup>3</sup>  
Ubong Imang<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: jalihah@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: idzuri@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: jurryfm@ums.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: ubong@ums.edu.my)

\*Corresponding Author

#### Article history

**Received date** : 01-07-2021  
**Revised date** : 16-08-2021  
**Accepted date** : 30-09-2021  
**Published date** : 31-10-2021

#### To cite this document:

Shah, J. M., Ibrahim, D., Foo, J., & Imang, U. (2021).  
Sektor Tidak Formal Aktiviti Ekonomi Alternatif Di  
Kota Kinabalu, Sabah: Sifat Dan Kebertahanannya  
*Journal of Islamic, Social, Economics and  
Development (JISED)*, 6(40), 109 - 121.

**Abstrak:** Pembangunan yang pesat di bandar raya Kota Kinabalu telah menarik golongan penghijrah dari luar-bandar dan negara jiran iaitu Filipina dan Indonesia untuk mencari sumber rezeki. Keterhadan peluang pekerjaan dalam sektor formal bandar menyebabkan aktiviti ekonomi alternatif dicari bagi memastikan kelangsungan hidup boleh diteruskan. Penjana pendapatan menerusi sektor tidak formal merupakan pilihan yang paling kerap diceburi oleh penghuni bandar. Lazimnya, sektor ini dianggap sebagai pilihan pekerjaan terakhir, hanya diceburi oleh penghuni miskin bandar dan berhadapan dengan pelbagai masalah. Meskipun begitu, sektor tidak formal masih menjadi salah satu sumber pendapatan utama isi rumah di bandar. Peningkatan penjaja yang menceburi sektor ini, kemunculan lokasi dan penjaja baharu serta keupayaan penjaja lama bertahan menjadikan sektor ini sebagai salah satu penyumbang pasaran kerja di bandar. Siapakah yang menjana pendapatan menerusi sektor tidak formal? Mengapakah sektor ini terus diceburi dan bagaimanakah ia kekal bertahan? Justeru itu, kertas kerja ini mengenalpasti golongan yang terlibat dalam sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu. Selain itu, faktor-faktor yang menyumbang kepada kebertahanan sektor ini turut dibincangkan. Data daripada penyelidikan kualitatif terhadap 10 orang penjaja di sekitar pusat bandar raya ini mendapati sektor ini disertai oleh penduduk daripada latar belakang yang pelbagai. Sektor ini digerakkan oleh warganegara Malaysia dan warga asing yang tinggal sama ada di kawasan setinggan dalam bandar raya Kota Kinabalu mahupun perkampungan pinggir bandar raya ini. Dalam pada itu, keunikan jenis perniagaan,

*fleksibiliti, lokasi yang strategik dan daya tahan responden sendiri pula telah menjadi antara tunjang kepada sektor ini terus subur dan bertahan.*

**Kata Kunci:** Sektor Tidak Formal, Strategi Kebertahanan, Kemiskinan Bandar, Imigran

**Abstract:** *The rapid development of Kota Kinabalu city has attracted migrants from rural areas and neighboring countries, namely the Philippines and Indonesia to find a source of livelihood. Limited employment opportunities in the formal urban sector have led to the search for alternative economic activities to ensure their survival. Income generation through the informal sector is the most frequently pursued option by urban dwellers. Usually, this sector is considered a last resort, ventured only by the urban poor and facing various problems. Even so, the informal sector is still one of the main sources of household income in the city. The increase in hawkers venturing in this sector, the emergence of new locations and hawkers as well as the ability of old hawkers to survive make informal sector as one of the contributors to the 'job market' in the city. Who generates income through the informal sector? Why does this sector continue to be ventured into and how does it survive? Therefore, this paper identifies those involved in the informal sector in the city of Kota Kinabalu. In addition, the factors that contribute to the resilience of this sector are also discussed. Data from a qualitative research on 10 hawkers around the city center found that the informal sector was involved by residents from diverse backgrounds. This sector is driven by Malaysians and foreigners who live either in squatter areas in the city of Kota Kinabalu or in suburban villages. In the meantime, the uniqueness of the type of business, flexibility, strategic location and the resilience of the respondents themselves have become among the pillars of this sector to continue to thrive and survive.*

**Keywords:** *Informal Sector, Resilience Strategies, Urban Poverty, Immigrant*

---

## **Pengenalan**

Bandar merupakan tempat tumpuan manusia mencari nafkah. Ketidakupayaan sektor formal bandar menyerap sumber manusia yang ramai menyebabkan lambakan tenaga kerja berlaku. Justeru itu, sumber tenaga yang tersisih dari pasaran formal perlu mencari alternatif bagi memastikan kelangsungan hidup masing-masing. Sektor tidak formal merupakan pilihan kumpulan penghijrah sama ada dari luar bandar (Nor Aini, 2006) mahupun luar negara (Jalihah & Ubong, 2006) untuk menjana pendapatan di kawasan bandar. Maka tidak hairanlah, sektor ini yang dianggap sebagai kegiatan ekonomi di kawasan bandar (Hart, 1971) dan rata-rata yang terlibat dalam aktiviti ini merupakan golongan miskin bandar (Nor Aini, 2006; Mohd. Yusof, Kasim & Gari, 2006; Nor Aini & Ishak, 2003) telah membuka peluang baharu kepada kumpulan ini. Sektor tidak formal sangat kompetatif kerana ia mudah dimasuki dan boleh beroperasi hanya menggunakan modal yang kecil (Bromley, 1978). Persoalannya, bagaimanakah dalam persaingan yang sengit ini, sektor tersebut boleh bertahan? Untuk itu, satu kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif telah dijalankan ke atas penjaja di sekitar bandar raya Kota Kinabalu, Sabah. Fokus perbincangan dalam kertas kerja ini adalah terhadap aktiviti dan sifat sektor tidak formal serta faktor yang menyumbang kepada kebertahanan sektor ini di pusat bandar raya Kota Kinabalu. Data dan perbincangan ini adalah merujuk kepada keupayaan sektor tidak formal sebelum berlakunya pandemik COVID-19.

## Sorotan Literatur

Perbincangan dalam bahagian ini menyentuh kupasan konsep sektor tidak formal dan penemuan kajian-kajian lepas tentang topik ini.

### Konsep Sektor Tidak Formal

Konsep sektor tidak formal telah mula digunakan sejak tahun 1960-an oleh ahli antropologi sosial (Bromley, 1978) yang membuat kajian ke atas aktiviti ekonomi penduduk bandar di negara yang dianggap sebagai mundur oleh para sarjana Barat (Mohd. Razali, 1992). Contohnya konsep ekonomi bazar yang diutarakan ahli antropologi yang mengkaji kegiatan ekonomi di Indonesia. Istilah sektor tidak formal ini tidak dipopularkan di bandar negara Barat sebab situasi ekonomi yang berbeza (Mohd. Razali, 1992). Bagaimanapun, konsep ini kembali popular apabila Keith Hart membincangkan sektor tidak formal dalam kertas kerjanya di Universiti Sussex, England. Kajian Hart (1971) ke atas golongan berpendapatan rendah di bandar Accra, Ghana mendapati pekerjaan bandar boleh juga dilakukan oleh golongan miskin sama ada secara sah mahupun haram dari padang sudut undang-undang tempatan.

Perbincangan oleh Hart ini telah menjadi batu asas kepada penerokaan secara serius tentang sektor tidak formal yang sebelum ini diabaikan oleh para ahli pembangunan ekonomi (Mc Gee, 1978). Buktinya, setahun selepas pembentangan Hart ini, konsep sektor tidak formal digunakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Menurut Mc Gee (1978), pengabaian perbincangan berhubung sektor tidak formal oleh ahli pembangunan ekonomi berpunca daripada (i) model pembangunan sedia ada lebih menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi iaitu tumpuan terhadap aktiviti sektor formal; (ii) analisis hubungan sosial dan perubahan ekonomi memasukkan unsur pemodenan dalam mentakrif pembangunan. Justeru itu, aktiviti bercirikan tradisi dianggap tidak peka kepada pembaharuan; dan (iii) data mengenai sektor tidak formal didapati tidak lengkap dan tidak direkodkan. Maka, sistem pungutan data hanya merekodkan pekerjaan formal/moden sahaja. Implikasinya, wujud kecenderungan dalam kalangan penguatkuasa yang mengkategorikan sektor tidak formal sebagai masalah dan ia perlu dibanteras (Foster-Carter, 1989).

Meskipun mendapat reaksi yang pelbagai dan penggunaan konsep ini dikritik (Bromley, 1978), sektor tidak formal telah diberi perhatian bilamana model pembangunan sedia ada yang menekankan pertumbuhan ekonomi gagal menyelesaikan tiga isu utama dalam masyarakat. Isu tersebut berkait tentang pertumbuhan penduduk, pertumbuhan bandar dan penciptaan peluang pekerjaan yang terhad hasil daripada pembangunan berintensif modal (Nor Aini & Ishak, 2003). Peranan sektor tidak formal dalam ekonomi bandar diiktiraf dalam kebanyakan Negara Sedang Membangun (Todaro, 1997) termasuk Malaysia (Azizah, 1986) khususnya ketika berlakunya kemelesetan ekonomi (Mohd Yusof & Denison, 2001). Di samping menyediakan peluang pekerjaan (Nor Aini & Ishak, 2003; Jalihah & Ubong, 2006) terutamanya kepada golongan wanita (Siti Khatijah, 2016; Mohd Yusof & Denison, 2001; Asri, 1999), sektor ini turut menjadi landasan untuk menguji keupayaan para peniaga yang baharu menceburi bidang perniagaan (Mohd Yusof & Denison, 2001) serta mampu berdaya tahan ketika kemelesetan ekonomi (Nazaria et al., 2011). Meskipun banyak kajian di Malaysia merekodkan sektor informal sebagai aktiviti ekonomi di kawasan bandar/bandar raya, namun hal ini tidak menolak fakta bahawa kegiatan ini juga berkembang di kawasan luar bandar (Norhidayah & Dzurizah, 2020) serta di kawasan sempadan (Fauzi, 2018).

Di Malaysia, sebanyak 1.36 juta (9.8 peratus) guna tenaga pada tahun 2017 berada dalam sektor tidak formal. Daripada angka ini, 69.4 peratus bekerja sendiri dan sektor ini kekal menjadi aktiviti ekonomi yang dioperasikan di kawasan bandar iaitu 82.1 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Meskipun sektor tidak formal di negara ini didominasi oleh lelaki, namun sebahagian besar kajian memberi fokus terhadap penglibatan wanita dalam sektor ini khususnya dalam penjualan makanan serta aktiviti menjaja di jalanan/kaki lima (*street vendors*). Kajian Lalitha (2017) misalnya mendapati lima (5) cabaran/halangan berbentuk ekonomi dan sosial yang dihadapi penjaja wanita di Pulau Pinang iaitu (i) masalah kewangan; (ii) tidak ada keselamatan sosial; (iii) barangan jualan rosak; (iv) penggunaan ruang awam; dan (v) konflik dengan penjaja lain-pihak berkuasa tempatan. Walaupun berhadapan dengan halangan yang disenaraikan, pendapatan daripada penjaja wanita ini menjadi sumber pendapatan kepada kelangsungan hidup isi rumah miskin di bandar.

Satu isu penting tentang perbincangan sektor tidak formal di Malaysia adalah penglibatan golongan belia yang semakin ketara. Kajian Rosniza Aznie et al., (2020) yang dilakukan di bandar Gemas, Negeri Sembilan mengenalpasti lapan faktor yang mempengaruhi minat generasi belia menceburi sektor ini. Hampir separuh daripada 150 orang responden yang dikaji mengatakan minat merupakan faktor utama mereka terlibat di samping peluang pekerjaan terbuka luas, ingin menggunakan kemahiran yang dimiliki, mencari pengalaman, pendapatan setimpal, warisan keluarga dan tidak menerima tekanan ketika bekerja. Jelas daripada penemuan Rosniza Aznie et al., (2020) ini berbeza dengan faktor penglibatan golongan berusia 40 tahun ke atas yang rata-ratanya mengaitkan faktor kemiskinan sebagai sebab utama (lihat misalnya Lalitha, 2017; Siti Khatijah, 2016) terlibat dalam sektor tidak formal. Golongan belia yang menjadikan sektor tidak formal sebagai lokasi untuk mempraktikkan kemahiran serta menimba pengalaman telah memberi dimensi baharu tentang ciri sektor ini iaitu peningkatan kemahiran.

Selain menjaja di pusat bandar raya, wanita juga mengusahakan aktiviti ekonomi tidak formal dalam persekitaran rumahtangga/komuniti khususnya kawasan setinggan. Penelitian oleh Jalihah (2004) mendapati wanita setinggan yang merupakan kumpulan isi rumah miskin bandar raya menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaan keluarga. Berniaga kedai runcit, gerai makanan, gerai barang mentah dan mengambil upah mengasuh anak, menjahit serta menjadi agen pelbagai jenis barangan adalah contoh sektor tidak formal yang diusahakan oleh wanita di kawasan setinggan di bandar raya Kota Kinabalu. Walaupun kajian Lalitha (2017) dan Jalihah (2004) dari segi masa berbeza lebih dari satu dekad, namun ia signifikan dalam membuktikan sumbangan sektor tidak formal ini kepada golongan rentan di bandar raya khususnya wanita yang amat besar dan tidak boleh dinafikan dalam menangani isu kemiskinan keluarga masing-masing sehingga kini.

### **Metodologi Kajian**

Data daripada kajian ini dikutip menggunakan pendekatan kualitatif yang membolehkan data diperolehi secara terperinci (Creswell, 2013) dan holistik (Nabilah et al., 2010) serta memberi gambaran menyeluruh mengenai fenomena sosial yang dikaji (Othman, 2009). Skop perbincangan sektor tidak formal dalam artikel ini memberi perhatian terhadap golongan penjaja yang dijalankan pada bulan Ogos 2018. Untuk itu, seramai sembilan (9) orang penjaja wanita dan seorang (1) wakil Persatuan Penjaja Bumiputera Sabah telah ditemubual secara mendalam menggunakan rangka soalan temubual secara berstruktur. Informan penjaja terdiri daripada tiga (3) orang penjaja kosmetik; seorang (1) penjaja ayam; tiga (3) orang penjaja

kraftangan; dan dua (2) orang penjaja barangan mutiara. Pemilihan 10 orang informan ini sejajar dengan sampel saiz yang sesuai dalam kajian kualitatif seperti yang disarankan oleh Mason (2002) dalam Norhidayah dan Dzurizah (2020) iaitu lima orang hingga 350 orang. Sesi temu bual dalam kajian ini berlangsung di antara 30 hingga 60 minit bagi setiap informan. Kesemua sesi temubual bersama informan penjaja dilakukan di lokasi tetap informan menjalankan aktiviti masing-masing iaitu bahu jalan dan pasar malam Sinsuran atas jejantas di kawasan Segama yang terletak di pusat bandar raya Kota Kinabalu. Kesemua temu bual dirakam menggunakan pita rakaman digital dan kemudiannya ditranskrip serta dianalisis secara tematik. Selain temubual mendalam, penyelidik turut membuat pemerhatian ke semua lokasi menjaja yang ada di sekitar pusat ibu negeri Sabah ini pada waktu siang [10.00 am hingga 5.00 pm] dan malam [7.00 pm hingga 10.00 pm]. Pemerhatian ini berguna dalam memahami komunikasi bukan verbal (Ritchie, 2003) yang kemudiannya membantu penyelidik memerihalkan tentang suasana aktiviti penjajaan, gelagat pelanggan-penjaja, jenis barangan yang dijual serta lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan.

### **Sektor Tidak Formal di Kota Kinabalu**

Aktiviti sektor tidak formal mula dikesan di bandar raya Kota Kinabalu seawal tahun 1980-an (Siti Khatijah, 2016). Bagaimanapun ketika itu, aktiviti ini beroperasi secara bergerak (*mobile*) di sekitar belakang bangunan, ruang pejalan kaki dan bahu bangunan dalam pusat bandar raya ini. Para penjaja membawa bersama barang yang dijual dan diletakkan dalam bakul raga mahupun dalam kain. Barangan yang dijual adalah makanan tradisional komuniti tempatan di Sabah seperti sirih, gambir, pinang, kapur dan madu. Pada waktu tersebut, aktiviti sebegini ini masih tidak diiktiraf oleh pihak penguatkuasa tempatan, justeru itu, ia beroperasi secara tidak sah dan kerap menjadi buruan penguatkuasa. Bagaimanapun, tindakan DBKK memberi kebenaran kepada penjaja berniaga secara sah dan menyediakan ruang khusus yang lebih teratur untuk operasi aktiviti ekonomi ini menyebabkan ia boleh diterima untuk memenuhi keperluan penduduk bandar raya ini dan para pelancong (Leong, 2005).

Di pusat bandar raya Kota Kinabalu, sektor tidak formal boleh dibahagikan kepada dua kategori mengikut lokasi dan waktu operasi. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 terdapat empat lokasi utama aktiviti ini di kawasan pusat bandar raya ini iaitu kawasan Segama, Sinsuran, Kampung Air dan Jalan Gaya. Manakala waktu operasi pula boleh dibahagikan kepada empat waktu yang utama iaitu (i) pagi; (ii) petang; (iii) malam; dan (iv) sepanjang hari. Daripada empat lokasi ini, kawasan Sinsuran dan Segama menyaksikan ada aktiviti urusanniaga pada waktu siang sehingga lewat malam. Ramai dalam kalangan penjaja di kawasan Sinsuran yang menjual pada waktu siang di kawasan ini meneruskan perniagaan mereka pada malam hari terutamanya dalam kalangan penjaja kosmetik dan buah-buahan. Para penjaja yang tidak memiliki lesen ini masih kekal di tempat berniaga masing-masing meskipun tanpa bekalan elektrik. Mereka hanya menggunakan lilin dan bercahayakan lampu kenderaan dan bulan sambil menunggu pelanggan. Selain beroperasi setiap hari, ada kawasan menjaja yang hanya beroperasi seminggu sekali iaitu tamu di Jalan Gaya yang beroperasi pada setiap hari Ahad bermula 6.00 pagi hingga 1.00 petang. Selain itu, bermula penghujung tahun 2005, DBKK telah membuka satu lagi ruang berniaga secara berkala. Tapak perniagaan di kawasan Jalan Gaya<sup>1</sup> dibuka pada waktu malam bersempena dengan cuti perayaan seperti Krismas dan Tahun Baru Cina bermula jam 5.00 petang hingga lebih kurang jam 11.00 malam. Dalam pada itu, DBKK juga membuka lokasi berniaga sementara yang disediakan di kawasan Asia City khusus untuk aktiviti berniaga sepanjang bulan Ramadhan.



Status lokasi dan aktiviti ekonomi tidak formal ini boleh dikategorikan kepada dua, iaitu diusahakan secara sah dan sebaliknya. Kesemua kawasan yang disenaraikan dalam Jadual 1 adalah sah yakni mendapat kelulusan daripada DBKK untuk beroperasi. Namun, tidak semua penjaja yang menjalankan urus niaga dalam kawasan terbabit memiliki lesen. Hal ini kerana hampir setiap lokasi berniaga ini ada peniaga yang menjual secara tidak sah dengan cara menumpang lot gerai penjaja sah secara percuma mahupun membuka gerai berniaga dalam kawasan tersebut. Menurut Nor Aini & Ishak (2003), penjanaan aktiviti ekonomi secara tidak sah merupakan fenomena biasa di bandar besar terutamanya di kalangan mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan. Kajian ini mendapati ada penjaja yang menjual cermin mata dan dompet kulit di kaki lima kedai di Sinsuran.

**Jadual 1: Jenis Aktiviti Ekonomi Mengikut Lokasi ,dalam Pusat Bandar Raya Kota Kinabalu**

Lokasi		Aktiviti Ekonomi Waktu Siang	Aktiviti Ekonomi Waktu Malam
Segama	Bersebelahan Pasar Besar KK	Kawasan Tempat Letak Kenderaan	Gerai makanan Laut
	Bahagian Atas Jejantas	Gelang, rantai, kerongsang manik, sireh, gambir, madu	Tiada
	Pasar Malam Segama (Bahagian Bawah Jejantas)	Kawasan Tempat Letak Kenderaan	Buahan/Makanan/Minuman
Kampung Air		Kawasan Tempat Letak Kenderaan	* Aksesori wanita * kosmetik * Pakaian * Kasut * Kaset
Sinsuran		* Aksesori wanita * Kosmetik * Tukang kasut * Tukang jahit * Rokok * Buahhan	* Aksesori wanita * Kosmetik * Pakaian * Kasut * Rombongan * Rokok * Buahhan * Tukang jahit
Ruang Belakang Pasar Kraftangan (Pasar Filipina)		Tiada	* Bahan Mentah; sayur, ikan, buahhan dll * Makanan & minuman * Beg plastik
Jalan Gaya		<b>Hari Ahad</b> * Sayuran, buahhan, pokok * Kuih tradisional * Pakaian * Aksesori wanita * Haiwan peliharaan (ikan, arnab, anak anjing)	Kawasan Tempat Letak Kereta

Berbanding kajian Jalilah dan Dzurizah (2006), kajian ini mendapati kelibat penjaja rokok yang sebelum ini mudah ditemui di jalan raya utama bandar raya ini dan pengedar vcd cetak rompak yang bergerak dari dari restoren ke satu restoren sukar ditemui. Bagaimanapun, hal ini tidak memberi gambaran bahawa penjualan rokok seludup tidak berlaku, namun, mereka menjaja secara tertutup dengan menyembunyikan rokok yang dijual agar tidak 'dihidu' oleh penguatkuasa. Berikut diperincikan aktiviti ekonomi bagi dua lokasi menjaja utama di bandar raya Kota Kinabalu iaitu kawasan Segama dan Pasar Malam Sinsuran.

### *Segama*

Aktiviti sektor tidak formal di kawasan Segama dibahagikan kepada tiga lokasi utama. Bagi maksud kertas kerja ini, perbincangan penjanaan pendapatan oleh penjaja di kawasan ini ditumpukan terhadap kawasan sekitar jejantas Segama. Jejantas ini telah menjadi pemisah dua jenis aktiviti menjaja iaitu kawasan atas jejantas yang bertumpu kepada jualan barangan kraf manakala kawasan bawah jejantas adalah Pasar Malam Segama yang menjual makanan termasuk buahan. Keunikan kerja tangan komuniti asal negeri Sabah menjadi produk yang diniagakan oleh penjaja sektor tidak formal di atas jejantas. Kesemua penjaja manik, barangan tembaga, sulaman dan makanan tradisi seperti sireh dan gambir merupakan etnik pribumi Sabah iaitu Rungus dan Dusun. Para penjaja duduk dan barangan yang dijual diletakkan di atas lantai jejantas. Adakalanya terdapat penjaja yang mengenakan pakaian tradisional etnik mereka ketika menjaja. Kajian ini mendapati hampir semua penjaja ini mempunyai kemahiran membuat sendiri rantai, gelang, dan kerongsang daripada manik. Namun, ada juga penjaja yang masih mengambil produk manik dan *keychain* yang telah siap dari kampung halaman masing-masing. Misalnya seorang responden, mendapatkan barangan jualannya dari kampungnya di daerah Kudat.

Bilangan penjaja di bahagian atas jejantas ini terhad kepada lapan orang dan angka ini jauh lebih kecil berbanding penjaja yang berniaga di kawasan bawah jejantas iaitu 54 orang. Hal ini kerana bilangan yang tidak terkawal boleh mengundang kesesakan di laluan pejalan kaki (Bahagian Unit Menjaja DBKK, 2016). Selain itu, waktu operasi kedua-dua kawasan ini juga berbeza. Aktiviti menjaja di bahagian atas jejantas bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang manakala Pasar Malam Segama pula bermula 5.00 petang hingga 11.00 malam. Kajian ini mendapati penjaja di kawasan pasar malam ini menjual pelbagai jenis lauk pauk, minuman dan buah-buahan termasuk durian. Di antara empat kawasan menjaja utama di pusat bandar raya Kota Kinabalu, aktiviti sektor tidak formal yang beroperasi di bahagian atas jejantas berhadapan dengan isu pemindahan ke lokasi baharu atas sebab keselamatan. Hal ini kerana jejantas yang berusia lebih 30 tahun itu perlu dibaikpulih. Bagaimanapun, menurut para penjaja, lokasi baharu yang dicadangkan oleh DBKK adalah kurang strategik kerana mereka diletakkan di bahagian kaki lima Pasar Besar Kota Kinabalu.

### *Pasar Malam Sinsuran*

Pasar Malam Sinsuran boleh dibahagikan kepada enam sub-lokasi berniaga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Rangkuman kesemua lokasi ini menjadikan pasar malam ini sebagai 'pusat membeli belah' yang paling sibuk pada waktu malam di pusat bandar raya Kota Kinabalu. Dari penjualan bahan mentah ke peralatan rumah, kosmetik hingga khidmat menjahit boleh ditemui di kawasan ini. Tapak menjaja ini dikuasai hampir sepenuhnya oleh kumpulan imigran Filipina dan Indonesia sama ada yang telah menjadi warganegara mahupun sebaliknya. Penulis menemui seorang daripada peniaga buah mangga yang berasal dari Filipina yang baru

menetap di bandar raya ini selama tiga bulan. Manakala peniaga etnik bumiputera negeri ini ada yang terlibat dalam penjualan sayuran dan buahhan tempatan.

**Jadual 2: Sub-Lokasi Pasar Malam Sinsuran Mengikut Jenis Jualan**

Sub-Lokasi	Jenis Jualan
Pasar Buah-Buahan Tempatan	Kelapa, Betik, Tembikai, Salak, Tukang Jahit
Belakang Pasar Buah-Buahan Tempatan	Makanan Mentah; ikan, ayam, sayuran, bawang dan lain-lain
Depan Pasar Kraftangan (Pasar Filipina)	Tukang Jahit, Buah Mangga, Kosmetik
Depan Deretan Kedai	Rokok, Kosmetik, Barang perhiasan dan cenderahati
Ruang Letak Kereta antara deretan kedai Sinsuran	Pasar rombongan <sup>ii</sup>
Pasar Malam Sinsuran (pusat)	Gerai makanan dan minuman, kuih muih, ikan bakar, sayap ayam bakar dan lain-lain

Selain menjadi pusat menjaja bagi golongan dewasa, Pasar Malam Sinsuran turut menyaksikan penglibatan kanak-kanak sebagai tenaga kerja. Ada dalam kalangan kanak-kanak ini yang membantu ibu bapa mereka mengambil pesanan di gerai makanan mahupun membantu menjual sayuran. Dalam pada itu, kajian ini menunjukkan masih wujud kanak-kanak yang mengambil upah sebagai porter dan menjual beg plastik seperti yang ditunjukkan dalam kajian Dzurizah dan Jalihah (2006). Senario ini membuktikan bahawa sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu telah memberi ruang dan menjadi landasan kepada golongan kanak-kanak untuk menjana pendapatan sendiri (lihat Dzurizah & Jalihah, 2014). Justeru itu, sektor tidak formal bukan sahaja menjadi pasaran kerja yang diceburi oleh golongan dewasa di bandar (Mohd Yusof & Dension, 2001), sebaliknya turut disertai sama ada oleh kanak-kanak warga asing mahupun tempatan.

#### **Sifat dan Kebertahanan Sektor Tidak Formal di Kota Kinabalu**

Umumnya, sebanyak sembilan ciri yang menunjangi sektor tidak formal seperti yang diutarakan oleh ILO (1972) dan Bromley (1978) iaitu (i) mudah diceburi; (ii) bergantung kepada sumber tempatan; (iii) hak milik keluarga; (iv) operasi berskala kecil; (v) teknologi intensif buruh; (vi) teknologi yang disesuaikan; (vii) kemahiran diperolehi secara tidak formal; (viii) pasaran tidak dikawal; dan (ix) bersaing. Kesemua sifat ini kekal wujud dalam sektor tidak formal di Kota Kinabalu, namun kajian ini turut mendapati wujud ciri-ciri tambahan dalam menerangkan sektor ini. Perbincangan dalam kertas kerja ini memberi perhatian terhadap empat sifat yang ditemui menonjol dalam aktiviti sektor tidak formal di pusat bandar raya Kota Kinabalu, Sabah. Keupayaan sektor tidak formal untuk terus bertahan dalam kerancakan ekonomi bandar raya dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Pertama, faktor dalaman adalah strategi para penjaja yang akhirnya berjaya menarik pelanggan tetap dan saling menyokong sesama penjaja manakala faktor luaran pula iaitu sokongan dan pengiktirafan sektor ini oleh penguatkuasa. Perbincangan lanjut faktor ini dihuraikan dalam bahagian seterusnya.



### **Penglibatan Imigran Asing vs Penduduk Tempatan**

Penglibatan golongan pendatang asing dalam sektor tidak formal ketara berlaku di negeri Sabah terutamanya di pusat bandar daerah utama negeri ini seperti Sandakan dan Lahad Datu (Gaim & Jalihah, 2012), bandar raya Kota Kinabalu tidak terkecuali (Ubong, 2003; Jalihah & Ubong, 2006; Wan Shawaluddin, 2006). Hal ini berlaku disebabkan ada pemilik lesen yang menyewakan semula lesen dan tapak berniaga kepada golongan imigran asing (Gaim & Jalihah, 2012) terutamanya dari Filipina dan Indonesia. Meskipun tindakan tegas seperti penarikan lesen menjaja dilakukan, namun berdasarkan pemerhatian dan temubual bersama responden di kawasan Segama mendapati keadaan ini masih berlaku. Walaupun begitu, bilangannya tidak dapat dipastikan sebab ada dalam kalangan peniaga yang mengaku mempunyai hubungan persaudaraan dengan pemilik lesen. Menjelaskan keadaan ini anda mengatakan:

*“Orang tempatan kasih sewa pada orang asing. Ada yang ambil untung. Contoh macam saya bayar sewa RM216, orang tu kasih sewa pada orang asing RM350. Kalau Bumiputera, kami sahaja. Saya dan yang di hujung tu. Orang yang menyewakan lesen ni pemalas, mau untung lebih, mungkin mereka ada kelebihan di luar. Tidak mampu jaga tapak berniaga ni, jadi itu yang mereka sewakan. Lagipun kerja sini, kotor kan.”*

(Ana, 23 tahun, Penjaja Mutiara, Etnik Bajau)

Selain itu, kajian ini mendapati memasukkan golongan imigran secara sah dalam sektor ini turut mempunyai kaitan dengan syarat permohonan lesen yang membenarkan penduduk yang berstatus penduduk tetap untuk memohon lesen menjaja (DBKK, 2016). Manakala penglibatan golongan imigran asing dalam sektor tidak formal secara tidak sah dikaitkan dengan pertambahan jumlah pendatang asing tanpa izin yang tidak terkawal khususnya di Kota Kinabalu (DBKK, 2011). Kejayaan dan kebolehbertahan penjaja imigran tidak sah ini kerana produk yang dijual lazimnya sukar diperoleh di kedai dan dijual pula pada harga yang jauh lebih murah. Misalnya produk penjagaan kulit dan kosmetik buatan negara Filipina iaitu krim *golden horse* dan China seperti krim pemutihan kulit muka jenama *jolie*.

Persoalannya, adakah penduduk tempatan langsung terpinggir dalam sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu? Kajian ini mendapati terdapat lokasi khusus di mana penduduk tempatan mendominasi aktiviti perekonomian dalam sektor ini iaitu kawasan Jalan Gaya dan Segama. Kesemua penjaja di kawasan atas jejantas Segama merupakan penduduk pribumi Sabah. Rekod daripada Bahagian Unit Menjaja, DBKK (2016) pula menunjukkan sebanyak 59.2 peratus daripada 54 penjaja berlesen adalah penduduk tempatan yang terdiri daripada etnik Kadazan-Dusun, Cina, Bajau dan Brunei. Seorang informan etnik Rungus yang berasal dari Kota Marudu dan menjaja manik/kraftangan di Jejantas Segama berpendapat aktiviti ekonomi yang beliau ceburi ini boleh dilakukan oleh sesiapa pun termasuk warga asing. Menurut informan:

*“Semua cari makan. Kita tidak boleh halang orang lain. Apa bangsa pun, semua cari makan kan? Yang penting jangan dia (pendatang asing) kacau kita”.*

(Tina, 47 tahun, Penjaja Manik/Kraftangan, Etnik Rungus)

Keterbukaan para penjaja tempatan menerima penjaja warga asing mempengaruhi penglibatan golongan tersebut dalam aktiviti penjajaan di Kota Kinabalu. Berdasarkan pemerhatian dan temubual mendapati aktiviti sektor tidak formal yang dijalankan di sekitar kawasan Sinsuran

dan Kampung Air dimonopoli oleh golongan imigran sama ada yang telah menjadi penduduk tetap mahupun belum. Dengan ini, jelas menunjukkan wujud kecenderungan berlakunya dominasi para imigran dalam sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu. Situasi ini telah meningkatkan lagi persaingan dalam sektor tidak formal (Mohd. Yaakub & Chang, 1991; Mohd. Yusof, Kasim & Gari, 2006) di antara penjaja tempatan dan imigran.

### **Pelancong sebagai Pelanggan Baru Sektor Tidak Formal**

Pelanggan yang menjadi pengguna dalam sektor tidak formal terdiri daripada pelbagai latar belakang ekonomi dan kewarganegaraan. Kewujudan gerai-gerai makanan yang menyajikan produk makanan laut telah menjadi tarikan kepada para pelancong. Gerai makanan laut yang memulakan operasi selepas 5.00 petang di dua kawasan utama iaitu Pasar Malam Sinsuran dan Segama turut dikunjungi pelancong domestik dan antarabangsa. Pemerhatian penyelidikan pada tahun 2006 mendapati gerai makanan di kawasan pasar malam kurang dikunjungi para pelancong berbanding pada masa kini. Dengan ini, kajian ke atas sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu mendapati pengguna yang mendapatkan perkhidmatan mahupun barangan daripada urusanniaga dalam sektor ini tidak terhad kepada penghuni bandar raya ini semata-mata. Sebaliknya, pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa turut menjadi pelanggan. Hal ini berbeza dengan senario sektor ini pada 1990-an (Asri, 1999) dan awal-awal tahun 2000 (Jalihah & Ubong, 2006; Jalihah & Dzurizah, 2006). Pada waktu tersebut, gerai makan di kawasan pasar malam Sinsuran misalnya hanya menjadi tumpuan penghuni bandar raya ini khususnya dalam kalangan golongan imigran. Bagaimanapun, gerai makan yang tahap kebersihannya semakin baik berbanding sebelum ini telah menggalakkan kunjungan para pelancong terutamanya dari Korea, Taiwan dan China. Fokus pelancong adalah gerai makan yang menyediakan juadah makanan laut iaitu di kawasan pasar malam Sinsuran dan Segama. Selain itu, pelancong turut membeli buahan tempatan terutamanya durian yang dijual di Segama.

Pelanggan baharu ini telah memberi nilai baharu terhadap konsep sektor tidak formal sebelum ini yang kerap mengaitkan sektor ini sebagai memenuhi keperluan penghuni miskin di bandar (Nor Aini & Ishak, 2003; Mohd Yusof & Denison, 2001). Buktinya, wujud harga bahan mentah seperti udang basah, ketam dan ikan yang berbeza untuk pelancong asing dan penduduk tempatan. Menurut seorang penjaja makanan laut, harga yang 'sedikit' tinggi ini tidak memberi kesan ke atas pelancong kerana nilai mata wang negara asal pelancong jauh lebih tinggi berbanding penduduk di Malaysia. Jelasnya sektor ini boleh dianggap telah mengalami penjenamaan semula dan menyangkal penemuan sebelum ini di Malaysia yang hanya terhad memberi perkhidmatan dan mengurusniaga untuk penduduk kurang berkemampuan (Mohd Yusof & Denison, 2001) di bandar tetapi kini telah menjadi lokasi membeli belah para pelancong terutamanya pelancong antarabangsa. Hal ini telah mengangkat sektor ke satu tahap yang lebih tinggi berbanding sebelum ini yang melihat sektor sebagai aktiviti ekonomi sampingan di bandar (Foster-Carter, 1989).

### **Sokongan daripada DBKK**

Pengiktirafan oleh penguatkuasa tempatan memainkan peranan penting dalam memastikan keberterusan lokasi sektor tidak formal. Di samping memberikan sumber pendapatan kepada DBKK menerusi sewa tapak menjaja dan lesen, penjaja boleh terus fokus dengan aktiviti ekonomi masing-masing tanpa perasaan takut dan perlu melarikan diri daripada penguatkuasa bila berlaku operasi. Kajian ini mendapati pengekal kawasan menjaja yang lama dan pembukaan kawasan menjaja yang baharu telah merencanakan lagi aktiviti sektor tidak formal

di bandar raya Kota Kinabalu khususnya pada waktu malam. Strategi DBKK yang menggunakan kawasan meletak kenderaan sebagai lokasi berniaga telah membuka ruang kepada penjaja untuk menjana pendapatan (Leong, 2005). Malahan syarat yang dikenakan seperti memastikan kebersihan semasa dan selepas menggunakan tapak berniaga telah berjaya meningkatkan tahap kebersihan gerai di kawasan terbabit.

Pandang dunia berbeza yang ditunjukkan oleh DBKK terhadap para penjaja telah memberi nafas baharu terhadap perkembangan sektor tidak formal di bandar raya Kota Kinabalu. Hal ini mempunyai kaitan terhadap kesedaran pihak berkuasa tempatan ini bahawa para penjaja tidak mempunyai modal yang besar untuk merebut peluang berniaga di lot-lot kedai sedia ada dan keupayaan sektor ini menjadi daya tarikan pelancong sekiranya diuruskan dengan sistematik (Leong, 2005). Menurut, Jena yang menjual barangan berasaskan manik [kraftangan] di kawasan atas jejantas Segama selama 15 tahun, kebenaran menjaja yang diberikan oleh DBKK sejak tahun 2004 telah memberi ketenangan pada dirinya untuk berniaga. Malahan permintaan terhadap produk yang dijualnya semakin bertambah dan mendapat permintaan pelancong asing. Justeru itu, pengiktirafan ke atas sektor ini sebagai aktiviti ekonomi yang sah menerusi pemberian lesen adalah tindakan yang tepat. Dengan itu, sektor ini tidak lagi dilihat sebagai ancaman terhadap pihak berkuasa tempatan sebaliknya menyumbang kepada perolehan pendapatan DBKK dan menghidupkan lagi aktiviti perniagaan di bandar raya Kota Kinabalu khususnya pada waktu malam.

### **Saling Menyokong dan Melengkapi dalam Kalangan Penjaja**

Sokongan dalam kalangan penjaja mempengaruhi keberuntungan sektor tidak formal di Kota Kinabalu. Sokongan yang diberikan adalah dalam bentuk memberi kebenaran kepada para penjaja baharu untuk tumpang menjaja secara percuma di tapak penjaja yang memiliki lesen. Dengan ini, penjaja baharu boleh mengembangkan perniagaannya masing-masing. Misalnya penjaja aiskrim 'goyang' yang baharu memulakan perniagaannya kurang daripada sebulan telah menumpang secara percuma di tapak gerai makan penjaja berlesen di Pasar Malam Sinsuran. Ada juga penjaja yang membantu menjaga dan menjalankan urusaniaga gerai bersebelahan ketika rakan penjaja ke tandas ataupun berehat untuk solat. Bantuan sebegini telah memudahkan aktiviti dan rutin sosial para penjaja. Selain itu, sektor tidak formal di bandar raya ini saling menyokong aktiviti penjaja yang juga terlibat dalam sektor yang sama. Misalnya dari segi bekalan bahan mentah. Penjaja makanan di Pasar Malam Sinsuran memperoleh bekalan bahan mentah daripada penjaja sayuran, penjaja ikan dan penjaja ayam yang menjaja di kawasan yang sama. Dengan ini, kos pengangkutan boleh dijimatkan kerana sebahagian besar bekalan barangan untuk jualan didapati dari persekitaran mereka. Malahan keperluan bahan mentah yang dijual di Pasar Malam Sinsuran ini juga memenuhi permintaan para pengusaha restoren di sekitar bandar raya ini.

### **Penutup**

Kajian ke atas para penjaja di Kota Kinabalu, Sabah telah membuktikan sektor tidak formal masih terus bertahan meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Persefahaman yang ditunjukkan oleh entiti utama dalam sektor tidak formal ini iaitu kumpulan penjaja yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan kewarganegaraan, pihak berkuasa tempatan dan pelanggan dalam negeri dan luar negara telah menyumbang kepada keberuntungan sektor ini di bandar raya Kota Kinabalu. Lokasi sektor ini akhirnya diakui sebagai salah satu destinasi yang perlu dilawati pelancong dan menyediakan produk yang mewakili komuniti bandar raya yang pelbagai rupa. Dengan itu, sektor tidak formal tidak lagi dilihat sebagai satu bentuk ancaman

terhadap bandar raya sebaliknya menjadi tarikan pelancong, menyediakan pekerjaan kepada penduduk bandar raya, menjadi perantara memasarkan produk dari kawasan luar bandar dan menyumbang pendapatan kepada pihak berkuasa tempatan. Gabungan kesemua sifat ini telah menyaksikan sektor tidak formal sebagai salah satu pasaran kerja pilihan penghuni bandar raya masa kini.

### Rujukan

- Asri Salleh. (1999). Kegiatan Wanita Filipina Dalam Perniagaan Sektor Tidak Formal di Kota Kinabalu: Satu Kajian Kes Sosiologi Bandar. Tesis Sarjana Muda, Program Sosiologi & Antropologi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Azizah Kassim. (1986). The Squatter Women and the Informal Economy: A Case Study. Dalam Hing Ai Yun & Rokiah Talib (eds). *Women and Employment in Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Sosiologi & Antropologi, Universiti Malaya.
- Bahagian Unit Menjaja, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. (2016). Profil Penjaja di Kawasan Segama. Tidak Diterbitkan.
- Bromley, R. (1978). Introduction – The Urban Informal Sector: Why is it Worth Discussing?. *World Development*. Vol. 6 (No9/10), 1033-1039.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design Choosing Among Five Approaches*. Los Angeles: SAGE Publication Inc.
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. (2011). Pelan Strategik Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, 2011-2015. Kota Kinabalu: Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.
- Dzurizah Ibrahim & Jalihah Md Shah. (2014). *Buruh Kanak-kanak di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Fauzie Sarjono. (2018). Ekonomi Tidak Formal dan Dinamika Perburuhan di Sempadan Malaysia-Indonesia: Kajian Kes di Pulau Sebatik. *Jurnal Kinabalu*. Vol. 24, 1-18.
- Foster-Carter, Aidan. (1989). *Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leong, Jeo. (2005). *Kota Kinabalu: Laying the Foundation for a Great City of Future*. Kota Kinabalu: Dewan Bandar raya Kota Kinabalu.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal, Malaysia, 2017. Diakses daripada <https://www.dosm.gov.my> pada 1 September 2021.
- Jalihah Md Shah. (2004). Survival Ekonomi Wanita dalam Komuniti Setinggan. *Jurnal of Southeast Asian Studies (JATI)*, Vol. 9, 111-123.
- Jalihah Md Shah & Ubong Imang. (2006). Imigran dan Pola Ekonomi Bandar: Kajian Kes di Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam Norhaslina Hassan (ed) *Dinamika Masyarakat Bandar Malaysia Ke Arah Kualiti Hidup Mapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jalihah Md Shah & Dzurizah Ibrahim. (2006). Senja di Kota Kinabalu: Menyorot Aktiviti Sosio-Ekonomi Penghuni Bandaraya. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pengajian Umum, Universiti Teknologi Malaysia, 13-14 Jun 2006.
- Lalitha Ramasamy. (2017). Challenges and Opportunities of Women Participating in Informal Sector: A Case Study of Women Street Vendors in Penang, Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan dalam The 12<sup>th</sup> Asian Academy of Management International Conference 2017. Anjuran Universiti Sains Malaysia, 6-9 Oktober 2017, Pulau Pinang.
- Mohd. Razali Agus. (1992). *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yaakub Hj. Johari & Chang Shui Kiong. (1991). An Overview of Urban Poverty in Sabah. Dalam Mohd. Yakub Hj. Johari (penyunting), *Urban Poverty in Malaysia*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah).

- Mohd. Yusof Kasim & Denison Jayasooria. (2001). Informal Economy, Micro-Finance and Non-Governmental Organisations in Malaysia. *Humanomics*. Vol. 17 (1ss 1), 134-140.
- Mohd. Yusof Kasim, Kasim MD. Mansur & Gari Itam. (2006). Isu Kemiskinan Bandar: Kes Negeri Sabah. Dalam Ishak Yusoff, Nor Aini Idris & Basri Abdul Talib (penyunting) *Ekonomi Malaysia ke Arah Pascaindustri*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nabilah Abdullah, Rohaya Abdul Wahab, Ghaziah Ghazali, Shireena Basree Abdul Rahman & Norshidah Nordin. (2010). Ciri-ciri Penyelidikan Kualitatif. Dalam Noraini Idris (ketua penulis). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Nazaria Baharudin, Manisah Othman, Pazlina Waty Che Pah, Dipa Chellamuthu and Rabiah Musa (2011). *Informal Employment in Informal Sector Enterprises in Malaysia*. Putrajaya, Department of Statistics, Malaysia.
- Norhidayah Binti Hasbullah & Dzurizah Ibrahim, (2020). Hubungan Pekerjaan di Sektor Informal: Kajian Kes di Lawas, Sarawak, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 17 (No. 6), 236-251.
- Nor Aini Idris. (2006). Isu dan Masalah Kemiskinan di Malaysia. Dalam Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (penyunting). *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Aini Haji. Idris & Ishak Yusoff. (2003). Sektor Tidak Formal dan Kemiskinan Bandar. Dalam Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (penyunting). *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ritchie, J. (2003). The Applications of Qualitative Methods to Social Research. In Ritchie, J & Lewis, J (Editor). *Qualitative Research Practice A Guide for Social Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordeyana Tambi & Junaidi Awang Besar. (2020). Faktor Pemilihan Pekerjaan Tidak Formal dalam Kalangan Generasi Muda. *Akademia*, 90 (Isu Khas 1), 147-160.
- Siti Khatijah Binti Mohd Tashir. (2016). Penglibatan Wanita dalam Sektor Tidak Formal di Segama, Kota Kinabalu. Tesis Latihan Ilmiah. Program Sosiologi dan Antropologi Sosial, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Todaro, M. P. (1997). *Economic Development*. Reading, Massachusetts: Addison-Wesley.
- Ubong Imang. (2003). Imigran dan Perbandaran: Kesan Ke Atas Pola Ruang Mobiliti Penduduk di Pusat Bandar raya Kota Kinabalu. *Jurnal Kinabalu*. Bil. 9. Unversiti Malaysia Sabah.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2006). Sektor tidak Formal dan Pendatang Asing di Kota Kinabalu. Dalam Azizah Kassim (penyunting). *Residential Patterns and Socio-Economic Organisation of Immigrant Groups and Communities in Sabah: A Case Study of Kota Kinabalu and its Periphery*. (Kod Projek, 07-02-10-0022-EA0022).

<sup>i</sup> Tamu di Jalan Gaya beroperasi setiap hari Ahad bermula 6.00 pagi hingga lewat tengahari lazimnya 1.00 petang.

<sup>ii</sup> Pasar rombongan menjual baju terpakai atau 'rejected' yang datang dari Jepun dan Korea.